

28 FEB 2003

PENGGANTI CHONG SUDAH DI KENAL PASTI, TUNGGU PENGUMUMAN PM

KOTA KINABALU, 28 Feb (Bernama) -- Pengganti jawatan Ketua Menteri Sabah yang kini disandang Datuk Chong Kah Kiat, sudah dikenal pasti dan kini menunggu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Perdana Menteri, mengumumkannya.

Chong berkata: "Kami tahu siapa yang akan mengambil alih jawatan itu, tetapi ia adalah prerogatif Perdana Menteri yang juga pengerusi BN."

Beliau berkata demikian ketika ditanya oleh pemberita nama penggantinya, selepas melancarkan buku mengenai alam sekitar Sabah "Air, Tanah, Bandar, Sabah, Borneo Malaysia, di sini hari ini.

Chong juga berkata permohonannya untuk bercuti selama sebulan sebelum menamatkan penggal pelantikannya sebagai ketua menteri pada 27 Mac ini, belum mendapat kelulusan Perdana Menteri.

Ditanya sama ada beliau akan terus berkhidmat sehingga berakhir tempoh jawatannya, Chong berkata: "Saya akan teruskan hingga 27 (Mac)."

Berdasarkan laporan sebelum ini, pengganti Chong adalah dari Umno berdasarkan sistem penggiliran ketua menteri di Sabah.

Mengikut sistem itu, pemimpin dari Umno, yang mewakili majoriti Bumiputera Islam di negeri ini, akan dilantik menjadi ketua menteri selama dua penggal; manakala pemimpin Bumiputera bukan Islam dan Cina, masing-masing akan berkhidmat untuk tempoh sepenggal.

-- BERNAMA

MK LAT